

13 SEP 2003

REAKSI-BAJET/I

DEFISIT BELANJAWAN 3.3 PERATUS BOLEH DICAPAI

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Defisit Bajet 2004 sebanyak 3.3 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK), boleh dicapai dengan keupayaan kerajaan menambah pendapatan dan mengurus perbelanjaan.

Penganalisis penyelidikan DBS Bank di Singapura, Wong Chee Seng, berkata: "Kami betul apabila berkata Dr Mahathir tidak akan berlagak dengan makanan terakhir yang terlalu mahal yang akan meninggalkan lubang dalam tumpuan kerajaan akan datang."

Beliau merujuk kepada Bajet 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga menteri kewangan di Dewan Rakyat semalam.

Dalam kenyataannya, Wong berkata walaupun kadar cukai korporat kekal 28 peratus, pilihan kerajaan kepada pengecualian cukai atau insentif khusus "adalah bukti kepada keutamaannya kepada untuk memberikan kelegaan khusus dan bukan menyeluruh."

Beliau juga gembira dengan habuan kepada pengguna yang diberikan kerajaan seperti bonus setengah bulan kepada kakitangan kerajaan dan bon Merdeka yang dikecualikan cukai.

Beliau juga bersetuju dengan unjuran KDNK pada 5.5 hingga 6.0 peratus pada 2004, dengan pemulihan pelaburan swasta yang disokong oleh ringgit yang berada di bawah nilai sebenar, dan persekitaran global yang lebih baik.

"Kami percaya 2004 adalah gerbang kepada kekayaan dengan aset mencecah paras pemulihan tertinggi, hasil peralihan licin kepimpinan politik pada Oktober. Ia akan menambah kepada peristiwa besar yang meningkatkan lagi warisan politik Dr Mahathir," kata Wong dari DBS.

Di Kuala Lumpur, perunding cukai KPMG Malaysia, Khoo Chin Guan, berkata pesanan jelas Bajet 2004 adalah untuk sektor swasta meneruskan peranan sebagai enjin pertumbuhan.

Strategi-strategi belanjawan itu termasuk mempercepatkan sektor swasta domestik agar menerajui pertumbuhan ekonomi. Terasnya pula adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perdagangan yang sebenar.

Beliau berkata langkah cukai yang dicadangkan berhasrat untuk menangani strategi itu dalam dua bidang, iaitu cadangan mengembangkan kedalaman pasaran modal dan langkah untuk meningkatkan insentif sedia ada.

Peningkatan insentif sedia ada, iaitu status perintis dan elaun cukai pelaburan, telah disasarkan ke arah menggalakkan syarikat tempatan sedia ada melabur semula dalam pengeluaran jentera berat dan alat jentera.

Walaupun pengurangan cukai korporat tidak berlaku, belanjawan ini memberikan kelegaan kepada syarikat kecil dan sederhana dengan meningkatkan tahap kelayakan pendapatan bercukai untuk mendapatkan kadar cukai korporat 20 peratus, daripada RM100,000 kepada RM500,000. -- BERNAMA

FAY SHO FR SS MAD TJK JR